



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 3 TAHUN 2021

**PERUNTUKAN KENDERAAN RASMI JABATAN BAGI PEGAWAI GRED 54 (BUKAN
KETUA JABATAN) DI JABATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri berhubung kemudahan Kenderaan Rasmi Jabatan bagi Pegawai-pegawai Gred 54 bertaraf Bukan Ketua Jabatan di Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke- 1/2013 bertarikh 9 Januari 2013 telah bersetuju dengan cadangan untuk memperuntukkan kereta Proton Preve 1.6 Executive CVT (Metallic) berwarna hitam sebagai Kereta Rasmi Jabatan bagi pegawai gred 54 bertaraf bukan ketua jabatan di Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.
3. Kemudahan ini diberikan mengambil kira beban tugas yang semakin bertambah di kalangan Pegawai Gred 54 (bukan Ketua Jabatan) di Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri.

4. Walau bagaimanapun, pihak PROTON melalui surat bertarikh 16 Februari 2021 telah memaklumkan bahawa pihak Proton telah memutuskan untuk sepenuhnya memberhentikan pengeluaran model Proton Preve.

KENDERAAN PENGGANTI

5. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-32/2021 bertarikh 29 September 2021 telah bersetuju meluluskan **PROTON X50 Standard** sebagai model ganti Kenderaan Rasmi Bukan Ketua Jabatan (KRBKJ) bagi Pegawai Gred 54 bertaraf Bukan Ketua Jabatan di Pentadbiran/Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

SYARAT PENGGUNAAN

6. Peruntukan KRBKJ kepada Pegawai Gred 54 bukan bertaraf Ketua Jabatan adalah tertakluk kepada syarat penggunaan seperti berikut:

- (a) Kereta yang diperuntukkan hendaklah digunakan untuk tujuan rasmi sahaja;
- (b) kenderaan rasmi tersebut dibenarkan untuk mengambil dan menghantar pulang pegawai Gred 54 (Bukan Ketua Jabatan) ke rumah bagi menjalankan tugas rasmi sebagai salah satu inisiatif Kerajaan Negeri kepada pegawai untuk meningkatkan sistem penyampaian awam.
- (c) Kereta hendaklah dipandu oleh pemandu sedia ada jabatan atau anggota yang diberi surat kuasa untuk memandu Kereta Rasmi Jabatan (KJ).
- (d) Kereta hendaklah disimpan selamat di pejabat selepas sesuatu urusan rasmi dan tidak dibenarkan disimpan di rumah.

- (e) Penggunaan kad *Touch 'N' Go* dan Kad Inden minyak boleh digunakan bagi tujuan di atas.
- (f) Bagi jabatan yang menyediakan kemudahan kenderaan yang dipindah penggunaannya kepada pegawai terkanan Gred 54 di jabatan, pegawai boleh meneruskan penggunaan kenderaan sedia ada tersebut sehingga sampai tempoh untuk ditukar baharu dan dilupuskan.

PEROLEHAN KENDERAAN

7. Jabatan hendaklah mendapatkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu sebelum mengadakan urusan perolehan, tertakluk kepada peruntukan tahun semasa yang diluluskan dan mencukupi bagi menampung kos pembelian KRBKJ baharu Jabatan.

PENGURUSAN DAN PENYENGGAARAAN

8. Jabatan hendaklah memastikan pengurusan kenderaan yang teratur berpandukan kepada peraturan pengurusan kenderaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa termasuk:

- (a) Buku Log Kenderaan hendaklah disediakan dan diselenggara dengan teratur;
- (b) Kereta tersebut hendaklah disenggara mengikut jadual yang telah ditetapkan di Pusat Servis bertauliah/berdaftar;
- (c) Sebarang kemalangan, kecurian/kehilangan kenderaan hendaklah dilaporkan kepada pihak Polis dan selanjutnya diuruskan mengikut

peraturan atau garis panduan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; dan

- (d) Sebarang pengubahsuaian ke atas kenderaan adalah tidak dibenarkan.

NOTIS KESALAHAN LALU LINTAS/SAMAN

9. Pemandu hendaklah sentiasa mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan lalu lintas.
10. Sekiranya disaman/dikompaun, Jabatan hendaklah mengambil tindakan berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 3 Tahun 2011 – Garis Panduan Pembayaran Saman atau Kompaun bagi Kenderaan Jabatan.
11. Kerajaan Negeri tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang saman atau kompaun yang dikenakan ke atas kenderaan jika kesalahan dilakukan oleh pemandu.
12. Sekiranya sesuatu kesalahan lalu lintas dilakukan oleh pemandu atas arahan pegawai pengguna, maka pegawai tersebut hendaklah bertanggungjawab untuk menyelesaikan notis kesalahan lalu lintas tersebut dengan syarat arahan untuk melakukan kesalahan lalu lintas/saman berkenaan hendaklah dicatat dalam Buku Log dan disahkan oleh pegawai pengguna.

PELUPUSAN KENDERAAN

13. Permohonan untuk menggantikan kenderaan sedia ada hendaklah disertakan dengan Laporan Pemeriksaan Kereta serta Perakuan Pelupusan (PEP) daripada Jabatan Kerja Raya.

PEMBATALAN

14. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, Pekeling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2013 - Peruntukan Kenderaan Rasmi Jabatan Bagi Pegawai Gred 54 (Bukan Ketua Jabatan) di Jabatan Kerajaan Negeri Selangor dan Surat Edaran bil. PWN.Sel.(PPA)052 Jld.3(14) bertarikh 3 Ogos 2016 adalah **dibatalkan**.

TARIKH KUAT KUASA

15. Pekeling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“SELANGOR MAJU BERSAMA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

